

Murid membaca dan memahami petikan. Kemudian, murid melengkapkan dialog berdasarkan petikan yang dibaca.

Mendengar dan Bertutur
Seronoknya Berkuda

Semasa cuti sekolah, Encik Ismail dan keluarganya ke Taman Ekuestrian Putrajaya. Mereka ingin menunggang kuda.



Topi keledar
melindungi kepala daripada kecederaan.

Pelana
memberikan keselesaan semasa duduk kepada penunggang.

Tali kekang
mengawal pergerakan kuda semasa menunggang.

Kasut but
melindungi kaki dan buku lali.

melindungi kaki dan buku lali.

mengawal pergerakan kuda semasa menunggang.

melindungi kepala daripada kecederaan.

Nasri, baca poster ini. Selepas itu, kamu dan Nabila pilih topi keledar yang sesuai dengan saiz kepala.

Baiklah, ayah.

Adik, pilih topi keledar yang sesuai dengan saiz kepala adik. Topi keledar ini _____.

Adik juga perlu memakai kasut but yang disediakan kerana _____. Selain itu, kita perlu _____.

Baiklah, abang. Terima kasih.

